

**PERKEMBANGAN DASAR KEBUDAYAAN  
KEBANGSAAN 1971-1990:  
PELAKSANAAN DAN CABARAN**

**HIRDAWATI BINTI ABDUL RAHMAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**PERKEMBANGAN DASAR KEBUDAYAAN  
KEBANGSAAN 1971-1990:  
PELAKSANAAN DAN CABARAN**

**oleh**

**HIRDAWATI BINTI ABDUL RAHMAN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah)**

**September 2017**

## **PENGAKUAN**

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

SEPTEMBER 2017

HIRDAWATI BINTI ABDUL RAHMAN

P-HM0052/11(R)

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat saya menyiapkan kajian saya ini iaitu Perkembangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, 1971-1990: Cabaran, Pelaksanaan dan Kesan. Sepanjang tempoh melaksanakan kajian ini banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi. Isu kekurangan sumber dan kekangan dalam kewangan merupakan dua masalah utama saya namun berkat kesabaran, akhirnya kajian ini berjaya diselesaikan walaupun mengambil masa yang amat panjang. Dalam tempoh kajian ini, banyak pengalaman dan ilmu baru yang saya perolehi hingga mendorong saya untuk menghabiskan kajian ini walaupun terpaksa berdepan dengan waktu-waktu sukar hingga hampir membuatkan saya patah semangat untuk meneruskan kajian ini.

Selautan cinta buat ayahanda Abdul Rahman Bin Mat dan bonda Masnah binti Tuna atas segala perhatian, pengorbanan, kepercayaan dan semangat yang diberikan yang tidak berbelah bahagi. Sokongan dan inspirasi daripada abang-abangku Mohd Idrus, Shamsul Kamal dan Abdul Aziz. Seluruh keluarga serta sahabat-sahabat seperjuangan yang sama-sama berjuang dan membantu dalam melaksanakan disertasi ini hingga berjaya disiapkan. Hanya allah S.W.T yang mampu membalas jasa kalian.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada Dr. Nazarudin Zainun, penyelia untuk kajian saya kerana banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan bantuan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Tanpa beliau, kemungkinan kajian ini tidak dapat diteruskan kerana tiada orang yang akan memberikan tunjuk ajar kepada saya cara untuk mendapatkan isi, mencari sumber dan menggunakan sumber-sumber yang penting.

Tidak ketinggalan, terima kasih banyak kepada suami Mohd Yuhanis Mohamad Yusof yang berada di sisi tanpa mengira waktu. Dorongan dan semangat yang diberikan kala jatuh amat bererti kerana tanpa beliau, kebarangkalian kajian ini tidak lagi diteruskan. Kata-kata semangat yang diberikan juga bantuan daripada segi masa dan wang amat bermakna dalam usaha menyiapkan kajian ini walaupun mengambil masa yang amat panjang.

Akhir sekali, terima kasih kepada para pensyarah dan kakitangan pejabat Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang banyak memberikan pertolongan kala diperlukan. Terima kasih kepada pihak-pihak lain yang teribat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian tesis ini. Jasa, sumbangan dan pertolongan semua amatlah dihargai dan tidak mampu dibalas. Hanya Allah mampu membala jasa anda semua dan harapan agar kajian ini dapat membuat anda semua tersenyum.

Sekian, terima kasih.

Hirdawati Binti Abdul Rahman  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>ix</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Kajian Lalu	7
1.3 Objektif Kajian	17
1.4 Kaedah Penyelidikan dan Sumber	18
1.5 Skop dan alasan Pemilihan Tajuk	19
1.6 Kepentingan Kajian	22
1.7 Fokus dan Susunan Bab	23
<b>BAB 2 DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN</b>	
2.1 Permulaan Kesedaran Kebudayaan	25
2.2 Kelahiran Masyarakat Majmuk	27
2.3 Pelaksanaan Dasar Pecah dan Perintah	37
2.4 Pilihan Raya 1969	44
2.5 Peristiwa 13 Mei 1969	52
2.6 Prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan	69
2.7 Pihak yang Terlibat dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan	76
2.8 Harapan Dasar Kebudayaan Kebangsaan	78

### **BAB 3 KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

3.1 Dasar Kebudayaan Kebangsaan	81
3.2 Kongres Kebudayaan Kebangsaan	85
3.3 Pembentangan Kertas Kerja Kebudayaan Kebangsaan	97
3.4 Realiti Dasar Kebudayaan Kebangsaan	126
3.5 Dasar Mengikut Undang-undang	130
3.5.1 Pembentukan Dasar Mengikut Undang-undang	131
3.5.2 Proses Pembentukan Dasar	132

### **BAB 4 PELAKSANAAN DAN CABARAN**

4.1 Latar Belakang	134
4.2 Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan	135
4.2.1 Era-era Perjalanan Negara	137
4.2.2 Kementerian-Kementerian	139
4.2.2(a) Dasar Ekonomi Baru	140
4.2.2(b) Dasar Pendidikan Kebangsaan	148
4.2.2(c) Dasar Sukan Negara	162
4.2.3 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	166
4.2.3(a) Jabatan Perpaduan Negara	167
4.2.3(b) Rukun Tetangga	168
4.2.3(c) Majlis Penasihat Kebangsaan Berkенаan Kebudayaan dan Badan-badan Lain	169
4.3 Cabaran Dasar Kebudayaan Kebangsaan	172
4.3.1 Perkauman	172
4.3.2 Sensitiviti Agama	178
4.3.3 Bahasa	180

4.4 Status Dasar Kebudayaan Kebangsaan	184
4.4.1 Reaksi Terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan	186
4.4.2 Lahirnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan	196
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	<b>202</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>207</b>

## **PERKEMBANGAN DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN 1971-1990:**

### **PELAKSANAAN DAN CABARAN**

#### **ABSTRAK**

Dasar Kebudayaan Kebangsaan bermatlamat untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Dasar ini diilham oleh para ilmuwan negara dan juga mereka yang berada dalam pentadbiran negara ketika itu. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk pada tahun 1971 dan perkembangan dasar ini dilihat sehingga tahun 1990. Matlamat utama adalah untuk melihat kaitan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan kaum-kaum di Malaysia. Tidak ketinggalan, pelaksanaan kebudayaan kebangsaan turut dinilai melibatkan dasar-dasar lain untuk melihat sama ada berjaya dilaksanakan atau tidak. Sepanjang penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, terdapat cabaran yang terpaksa dilalui dalam melaksanakannya dan cabaran-cabaran inilah yang akan dilihat bagi membuktikan berjaya atau tidak matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan diterapkan dalam perjalanan negara. Kepelbagai sumber digunakan bagi memastikan matlamat kajian ini tercapai. Sumber-sumber tersebut terdiri daripada sumber pertama dan kedua. Persoalan utama yang ingin disentuh adalah mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sendiri sama ada berjaya sebagai satu dasar negara atau hanya digubal ketika negara memerlukan satu penyelesaian kepada masalah yang berlaku ketika itu. Dalam usaha untuk membuktikan kesahihan kajian ini, perbincangan dilakukan dengan mengemukakan bukti-bukti bagi mengukuhkan lagi hujah yang disampaikan. Sumber-sumber untuk menyokong perbincangan ini turut disertakan bagi memastikan persoalan-persoalan yang ada terjawab. Matlamat dan persoalan

yang dikemukakan berjaya dijawab iaitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan sememangnya berlaku namun terdapat cabaran dalam melaksanakannya.

# **THE DEVELOPMENT OF NATIONAL CULTURAL POLICY 1971-1990: IMPLEMENTATION AND CHALLENGES**

## **ABSTRACT**

National Cultural Policy was formulated to unite the multi-cultural society in Malaysia. This policy was inspired by national scholars and those who were in the national administration at that time. National Cultural Policy was formed in 1971. This research studies the operation of this policy up to 1990. The primary objective of the research is to observe the relation of National Cultural Policy with the various communities in Malaysia. The implementation of the policy is also evaluated by including other policies in order to determine if it has been successfully implemented or not. Throughout the making of Natural Cultural Policy, there were challenges that needed to be addressed in implementing the policy and these challenges are the one that will be considered in order to prove the success or failure of the National Cultural Policy. To fulfil this research, various sources have been used to ensure the objective of this research is achieved. The sources are from primary and secondary sources. The main question that needed to be addressed was about the National Cultural Policy itself, if it succeeded as national policy or only made when nation needed a solution to a problem at that time. Ample evidences have been given to strengthen the arguments in the thesis. Sources that supported this discussion are included to ensure the existing questions are answered. The objectives and questions presented have been successfully answered, that is The National Cultural Policy has indeed been formulated and implemented but there were challenges in implementing it.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Walaupun sejarah perjalanan negara bermula dari merdeka dan sehingga kini sering menjadi tumpuan dalam pengkajian sejarah Malaysia, namun masih wujud kekaburuan mengenai perkembangan yang berlaku dalam perjalanan negara ini. Perkara ini terbukti dengan keadaan negara yang unik yang mengandungi pelbagai kaum dan suku. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyumbang berlakunya pelbagai peristiwa yang menghiasi perjalanan negara. Kepelbagaian kaum ini turut mencetuskan isu perpaduan sebagaimana yang diketahui berlanjutan dari sebelum merdeka hingga kini. Umumnya, dalam mengkaji mengenai perkembangan kaum dan juga perpaduan, kebanyakkan ahli sejarah lebih cenderung memberi tumpuan kepada faktor yang membawa kepada terbentuknya kepelbagaian masyarakat ini dan peranan yang mereka bawa dalam membolehkan negara mencapai kemerdekaan.

Hasilnya, penulisan cenderung menekankan watak-watak kaum lain ini sehingga mengakibatkan peranan masyarakat tempatan dipandang enteng. Peranan sebenar yang dimainkan oleh kaum-kaum asing ini ditambah dengan campurtangan oleh pihak kolonial seolah-olah cuba ‘disorokkan’ daripada arus perbincangan. Sebaliknya, mereka ditonjol sebagai orang yang datang berhijrah dan bukannya ingin menguasai. Kehadiran kelompok asing ini bermula sejak empayar Melaka lagi apabila kedudukan Melaka yang sesuai sebagai pusat perdagangan menjadi daya tarikan kepada para pedagang untuk singgah. Mereka ini kemudiannya ada yang

terus menetap dan berkahwin dengan penduduk tempatan dan secara tidak langsung membuka ruang terbentuknya masyarakat yang berbilang bangsa.<sup>1</sup>

Seterusnya, pembentukan masyarakat ini semakin berkembang apabila kedatangan kaum-kaum asing ini didorong oleh pihak kolonial yang memperlihatkan usaha besar mereka hingga mengubah sejarah negara keseluruhannya kerana watak yang dibawa British ini lebih kepada penyelamat orang Melayu dan kehadiran kaum-kaum lain adalah untuk menyuburkan bumi yang didiami. Kehadiran ini disebabkan Tanah Melayu ketika itu dikatakan berhadapan dengan masalah politik dalaman dan tidak bijak dalam menguruskan soal pentadbiran. Alasan yang digunakan ini menjadi tiket British untuk datang ke Tanah Melayu seterusnya membawa kaum-kaum lain iaitu Cina dan India yang bertindak sebagai hamba bagi melaksanakan cita-cita British.

Kekurangan sumber sejarah tempatan dalam memahami tujuan asal kedatangan pihak British ini telah mendorong ramai ahli sejarah menggunakan catatan peribadi dari pentadbir kolonial sebagai rujukan utama. Kecenderungan penggunaan ini telah menyebabkan tulisan mereka dipengaruhi oleh pandangan yang menonjolkan keupayaan pihak British dalam menangani masalah yang wujud di Tanah Melayu. Di samping itu, peranan orang Cina dan India yang dibawa masuk oleh British turut ditonjolkan apabila kelompok ini diberikan peluang khasnya dalam bidang ekonomi. Mereka diberikan kepercayaan untuk bekerja di kawasan perlombongan dan juga ladang-ladang walhal orang Melayu tidak mendapat peluang

---

<sup>1</sup> J. Kennedy, 1962, *A History of Malaya*, London: Macmillan, hlm. 1.

serupa. Penggantungan terhadap catatan-catatan ini telah menyebabkan dakwaan sebegini seringkali timbul hingga meneggalamkan kaum Melayu itu sendiri. Tidak dinafikan, kehadiran British yang membawa masuk orang Cina dan India secara tidak langsung menjadi faktor yang mewarnai perjalanan negara. Ini menjadi permulaan wujudnya kepelbagaian masyarakat sekali gus menunjukkan perpaduan amat diperlukan. Dalam memahami keadaan ini, adalah penting untuk dirujuk sumber-sumber yang berkaitan agar penulisan yang dilakukan lebih bersifat objektif.

Secara umumnya, pensejarahan tentang perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia memperlihatkan wujudnya kebudayaan<sup>2</sup> bagi setiap kaum yang telah dibawa bersama semasa penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Kepelbagaian kaum yang ada ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik kerana mempunyai variasi kebudayaan. Ini berikutan, kebudayaan adalah satu intipati penting yang menjadi lambang identiti bagi setiap kaum bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Kepelbagaian budaya yang ada di Tanah Melayu telah mempengaruhi

<sup>2</sup> Menurut Koentjaraningrat dalam bukunya yang bertajuk Pengantar Antropologi dan Mohd Koharuddin Mohd Balwi dalam penulisannya bertajuk Peradaban Melayu, beliau mentafsirkan bahawa kebudayaan mempunyai pengertian yang luas dan membawa pelbagai maksud bukan sahaja secara umum bahkan mengikut kaum-kaum yang ada juga. Kebudayaan terhasil daripada kata dasar budaya. Budaya merupakan cantuman dua perkataan iaitu *buddhi* dan *daya*. Perkataan ‘*buddhi*’ diambil dari bahasa Sanskrit yang bererti kecerdasan fikiran dan akal manakala ‘*daya*’ berasal daripada perkataan Melayu-Polinesia yang bermaksud kekuatan tenaga atau perbuatan, kuasa dan pengaruh. Sekiranya kedua perkataan ini, *buddhi* dan *daya* dicantum maka membawa makna tenaga fikiran yang menentukan pola kelakuan manusia. Koentjaraningrat, 1970, *Pengantar Antropologi*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 62; Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, 2005, *Peradaban Melayu*, Johor Darul Ta’zim: Universiti Teknologi Malaysia, hlm. 1. Adi Negoro menyebut kebudayaan bermaksud membina jiwa kemanusiaan sama ada di dalam atau di luar diri kita. Mahmud Ahmad, 1963, *Kebudayaan Sa-Pintas Lalu 2*, Singapura: Pustaka Melayu, hlm. 5. Sementara itu, Robert Bierstedt dalam The Social Order pula memberikan maksud kebudayaan ialah kesemua yang kita fikir, yang kita buat dan kita punya sebagai ahli dalam masyarakat. R. Bierstedt, 1970, *The Social Order*, International Student Edition: Tokyo Mc Graw Hill-Kogakusha, Ltd. hlm. 1.

Mengikut takrif lain, kebudayaan sebagai keseluruhan yang corak susunannya saling berkaitan meliputi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain hal serta kebiasaan yang diamalkan oleh manusia dalam sifatnya sebagai anggota sesuatu masyarakat. Di samping itu, kebudayaan juga merupakan pakaian batin yang dilahirkan melalui proses penghayatan yang mendalam melalui pemikiran, sikap, nilai-nilai yang diyakini dan diamalkan yang akhirnya dipernyatakan sebagai suatu cara hidup. Asmad, 1990, *Kebudayaan Secara Umum*, London: New Holland, hlm. 3.

kebudayaan orang Melayu hingga mengakibatkan kebudayaan tersebut merosot sedikit demi sedikit dan membolehkan kelompok kaum lain mengembang dan menyesuaikan kebudayaan mereka di tempat baru. Keadaan ini berlaku akibat kelemahan pemimpin tempatan ketika itu yang tidak berjaya mentadbir hal ehwal negeri dengan baik hingga membolehkan campurtangan oleh pihak penajah kolonial.

Dalam zaman penjajahan ini, masyarakat Melayu seringkali dimomokkan dengan keupayaan kaum-kaum asing ini dalam menjana ekonomi di Tanah Melayu. Keadaan ini dipengaruhi oleh watak yang dimainkan penajah ketika itu yang lebih memandang tinggi orang Cina dan India berbanding penduduk tempatan. Hal ini demikian, kelompok tersebut lebih mudah dimanipulasi mengakibatkan orang Melayu sering tertindas. Keterbukaan ini sekali gus mendorong orang Cina dan India mengembangkan kebudayaan mereka dengan mudah. Pertembungan kebudayaan inilah yang telah mengakibatkan permasalahan dalam kalangan masyarakat kerana masing-masing tidak dapat menerima antara satu sama lain.

Keadaan masyarakat sebegini tidak tamat selepas berakhirnya penjajahan British sebaliknya golongan Cina dan India memilih untuk menetap di Tanah Melayu berikutan selesa dengan suasana yang dinikmati berbanding di tempat asal mereka. Perkara ini telah mengakibatkan orang Melayu semakin hilang jati diri mereka dan hak ke atas Tanah Melayu. Keputusan untuk terus tinggal di Tanah Melayu ini diambil berdasarkan kepada prinsip *jus soli*.

Prinsip *jus soli* adalah pemberian hak kerakyatan yang sama rata kepada sesiapa yang menerima wilayah ini sebagai tanah air mereka dan seluruh Tanah Melayu berada di bawah Komanwel British.<sup>3</sup> Pemberian kerakyatan kepada kaum pendatang telah dengan tegas diberi oleh orang Melayu kepada orang Cina dan India yang berjumlah lebih kurang 1.3 juta ketika itu sekali gus membolehkan orang Cina dan India menukar status mereka daripada pendatang kepada warganegara.<sup>4</sup> Situasi inilah yang secara tidak langsung menjadi faktor penyumbang dalam melahirkan masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum.

Keadaan inilah seterusnya menjadi pemangkin kepada perkembangan kebudayaan orang Cina dan India hingga bertembung dengan kebudayaan orang Melayu. Perkembangan kebudayaan ini berterusan sehingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Disebabkan kebudayaan penting terutama kepada negara yang baharu mencapai kemerdekaan ditambah pula mempunyai kepelbagaiannya kaum, adalah wajar bagi Malaysia sebagai sebuah negara merdeka yang baru membangunkan negara sejajar dengan harapan rakyat. Pembangunan ini bukan hanya meliputi permodenan sebaliknya pembinaan bangsa serta pengukuhan negara bangsa juga perlu untuk menjamin keutuhan kemerdekaan dan kedaulatannya.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> Antara syaratnya, sesiapa yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura dengan automatiknya memperolehi hak kerakyatan *Malayan Union*, dan mana-mana komuniti pedagang yang tinggal menetap antara 10 hingga 15 tahun di negeri-negeri Melayu ataupun lima tahun di Singapura, mereka juga akan diberikan hak kerakyatan yang sama. Keterangan lebih lanjut, boleh rujuk J. Ongkili, 1985, *Nation-Building in Malaysia*, Oxford Universiti Press, hlm. 41; Cheah Boon Kheng, 2002, *The Making of Nation*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, hlm. 2; R.S Milne, 1992, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 31-32; G.P Means, 1976, *Malaysian Politics*, London: University of London Press, hlm. 52-53.

<sup>4</sup> Idrus Bin Haji Abu Bakar, 1987, “Kebudayaan Kebangsaan – Ke Arah Perpaduan Sejati Masyarakat Malaysia”, dalam *Gelanggang*, Bil.1, Januari/Februari, hlm. 8.

<sup>5</sup> Abdul Rahman Embong, 2003, *Membina Bangsa Malaysia*, Malaysia: Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, hlm. 27.

Pembinaan kebudayaan nasional dan pemupukan nilai-nilai bersama adalah dua komponen utama yang wajar dilaksanakan serentak dengan agenda pembangunan. Hal ini bertujuan untuk menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada kelompok kaum dengan budaya, bahasa dan agama yang berbeza di bawah satu bumbung agar keharmonian tercapai. Maka, di sinilah terletaknya kepentingan untuk meneliti semula sejarah lalu negara khususnya melibatkan isu perkauman dan perpaduan agar perspektif baru yang bersifat lebih objektif dan gambaran perkembangan kebudayaan yang membawa kepada aspek perpaduan dapat dihasilkan.<sup>6</sup>

Perkembangan kebudayaan yang semakin rancak selepas negara mencapai kemerdekaan dapat dianggap sebagai satu isu yang menarik. Hal ini demikian, Malaysia merupakan sebuah negara yang unik berikutan terdiri daripada pelbagai kaum yang bukan sahaja meliputi Melayu, Cina dan India bahkan juga bumiputera selepas kemasukan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan perkembangan masyarakat di Malaysia menjadi satu topik perbincangan yang luas dan kerap dibincangkan oleh para sarjana.

Oleh itu, dalam kajian ini, perkembangan masyarakat yang berlaku itu menjadi penghubung kepada peristiwa yang berlaku seterusnya hingga membawa kepada pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Beberapa persoalan penting akan disentuh iaitu adakah isu perkauman menjadi punca utama kepada tercetusnya

---

<sup>6</sup> Ahmad Fawzi Basri, 1987, *Isu-isu Perpaduan Nasional: Cabaran, Pencapaian dan Masa Depan*, Sekolah Pengajian Asasi, Kedah: Universiti Utara Malaysia, hlm. xi.

peristiwa pada tahun 1969 itu? Siapakah yang terlibat dalam peristiwa tersebut? Bagaimana peranan pihak kerajaan dalam menangani masalah yang berlaku ini? Sejauhmanakah pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat membantu memulihkan hubungan sesama kaum? Apakah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan dasar ini? Adakah dasar tersebut sememangnya satu dasar kerajaan atau hanya hasrat sesetengah pihak yang benar-benar mendambakan terbentuknya perpaduan sesama masyarakat di Malaysia?

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan tersebut dengan meneliti semula hubungan dan konflik yang tercetus bermula daripada pembentukan masyarakat di Malaysia. Kemudian, akan diteruskan kepada penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan tersebut dengan memfokuskan kepada kaum Melayu dan Cina. Peranan yang dimainkan oleh dasar ini turut dikaji bagi membuktikan sama ada dasar itu berjalan seperti yang diharapkan atau tidak.

## **1.2 Kajian Lalu**

Pengetahuan tentang kehadiran kaum-kaum lain umumnya banyak diperolehi melalui catatan-catatan awal yang telah dikemukakan oleh penulis-penulis luar, khususnya penjelajah dan pentadbir Eropah. Mereka ini terdiri daripada para pengembara, pegawai kerajaan, pentadbir politik, askar dan mubaligh Eropah misalnya yang sering membuat catatan awal tentang keadaan-keadaan yang terdapat di negeri-negeri Melayu, khususnya negeri-negeri Melayu pantai Barat Semenanjung. Oleh kerana golongan tersebut telah menulis dan menghasilkan

catatan berdasarkan apa yang dilihat dan dilalui sendiri oleh mereka, maka catatan-catatan mereka dianggap sangat penting dan menjadi rujukan utama yang digunakan bagi memahami perkembangan yang berlaku khususnya melibatkan masyarakat pelbagai kaum.

Umumnya, kajian mengenai kehadiran kaum Cina dan India banyak disentuh oleh bukan sahaja pengkaji di Malaysia, malah juga pengkaji luar. Kehadiran kelompok ini di Tanah Melayu pada awalnya dipengaruhi oleh faktor perdagangan namun penghijrahan mereka ini hanyalah dalam kelompok kecil. Akan tetapi, campurtangan British telah menjadi punca kemasukan orang Cina dan India secara besar-besaran untuk melaksanakan kegiatan ekonomi mereka. Keadaan ini yang telah menggalakkan pertumbuhan masyarakat majmuk pada peringkat awal.

Winstedt dalam beberapa tulisannya antaranya *A History of Malaya* (1935)<sup>7</sup> dan *Malaya and Its History* (1948)<sup>8</sup> juga turut membincangkan mengenai kehadiran kaum India dalam tempoh masa yang lebih awal lagi. Walaupun dikatakan kehadiran kaum-kaum lain di Tanah Melayu adalah untuk bekerja, namun mereka ini juga datang atas urusan perdagangan. Buktinya, Melaka telah berkembang pesat dan terkenal sebagai salah satu pelabuhan terpenting dalam dunia perdagangan. Kehadiran orang India untuk berdagang telah membawa perkembangan dalam jumlah penduduknya hingga mencapai jumlah 40 000 orang semasa dalam peperintahan Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488).<sup>9</sup>

---

<sup>7</sup> R. O Winstedt, 1962, *A History of Malaya*, 3rd Edition, Kuala Lumpur: Marican & Sons.

<sup>8</sup> R. O Winstedt, 1948, *Malaya and Its History*, London: Hutchinson University Library.

<sup>9</sup> R.O. Winsted, Mac 1935, *A History of Malaya*, Part I, Vol XIII, JMBRAS, Second Viceroy of India, hlm. 52.

Di samping itu, Winstedt turut menyatakan faktor perdagangan ini menjadi penyumbang penting yang menarik orang luar datang ke Melaka dan bagi mengukuhkan kedudukan mereka, ada di antara orang India ini berkahwin dengan penduduk tempatan khasnya mereka yang berkedudukan tinggi untuk menjamin kepentingan ekonomi sekali gus mempengaruhi perjalanan politik negara.<sup>10</sup> Namun, sama seperti Wilkinson, perbincangan Winsted mengenai kehadiran kaum-kaum lain di Tanah Melayu hanya bersifat sepintas lalu kerana penulisan Winstedt lebih menumpukan soal politik yang berlaku di Tanah Melayu berbanding kehadiran orang-orang asing ke Tanah Melayu yang merupakan faktor awal dalam kewujudan masyarakat majmuk di Tanah Melayu.

Kajian lain mengenai kehadiran orang Cina dan India yang membawa kepada terbentuknya masyarakat majmuk di Tanah Melayu adalah oleh Othman Sheriff. Kehadiran British ke Tanah Melayu berlaku secara tidak sengaja apabila loji mereka di Bengkulen gagal menghasilkan pulangan sebagaimana yang dihajati. Kegagalan ini dipengaruhi oleh faktor kawasan lombong bijih timah jauh dari Bengkulen selain kawasan tersebut jauh daripada laluan perdagangan antara India dan Cina sekali gus menyukarkan para pedagang untuk mendapatkan bekalan.<sup>11</sup>

Keadaan ini yang telah membawa kepada kehadiran British di Tanah Melayu kerana kesuburan bumi yang ada membolehkan mereka terus menjana ekonomi bagi keperluan di negara asal. Kehadiran ini secara tidak langsung telah membuka ruang untuk British membawa masuk orang Cina dan India ke Tanah Melayu bagi mengerjakan aktiviti ekonomi. Kehadiran kaum-kaum lain ini telah menjarakkan

---

<sup>10</sup> R.O. Winstedt, 1956, *Malaya and Its History*, London: Hutchinson's Universiti Library, hlm 34.

<sup>11</sup> Othman Sheriff, 1979, *Latar Belakang dan Sejarah Malaysia Modern*, Kuala Lumpur: Penerbit Adabi Sdn. Bhd.

hubungan antara orang Melayu, Cina dan India kerana mereka diasingkan kawasan ekonomi sekali gus menyebabkan ketidakpuasan hati berlaku sesama sendiri. Akan tetapi, tulisan Othman Sheriff ini hanya mengisahkan sepintas lalu mengenai faktor yang mendorong kehadiran British ke Tanah Melayu yang turut membawa bersama kaum Cina dan India. Akan tetapi, tulisan beliau ini boleh dirujuk untuk memahami keadaan masyarakat awal di Tanah Melayu.

Kajian lain yang turut membincangkan kehadiran orang Cina dan India ke Tanah Melayu J. Murray dan Barbara dan Leonard Andaya. J.Murray (1830)<sup>12</sup> berdasarkan kepada catatan oleh Stamford Raffles, orang Cina tidak banyak di Pulau Pinang namun berlaku migrasi secara beramai-ramai hingga meningkatkan jumlah orang Cina khususnya melibatkan buruh dan para peniaga. Barbara dan Leonard Andaya (1982)<sup>13</sup> juga turut menyatakan kehadiran orang Cina yang ramai ini telah memberikan kesan secara langsung kepada orang Melayu. Hal ini demikian, British lebih mengutamakan orang Cina dalam soal ekonomi walhal orang Melayu lebih layak untuk diberi keutamaan. Penulisan pengkaji ini tidak secara mendalam mengenai kehadiran orang Cina dan India di Tanah Melayu namun latar belakang yang berlaku ke atas Tanah Melayu sedikit sebanyak membantu proses pemahaman mengenai pembentukan masyarakat majmuk.

Penguasaan British di Tanah Melayu ditambah dengan kehadiran orang Cina dan India telah membawa kepada pengenalan Dasar Pecah dan Perintah sebagaimana yang telah ditulis oleh Barbara dan Leonard Andaya.<sup>14</sup> Walaupun dasar ini tidak

---

<sup>12</sup> J. Murray, 1830, *Memoir of the Life and Public Services with some of the Correspondent of Sir Thomas Stamford Raffles Particulary in the Gov*, London.

<sup>13</sup> Barbara dan Leonard Andaya, 1982, *A History of Malaysia*, London: Macmillan.

<sup>14</sup> Barbara dan Leonard Andaya, 1982, *A History of Malaysia*, London: Macmillan, hlm. 204.

dijelaskan secara khusus, namun keadaan yang berlaku di Tanah Melayu telah membawa kepada pembahagian bidang ekonomi mengikut kaum. Pelaksanaan pecah dan perintah ini turut dibincangkan oleh Rahim Syam dan Norhale. Pengkaji menyatakan di bawah dasar ini, ketiga-tiga kaum ini dipisahkan mengikut kepentingan ekonomi ke atas British. Keadaan inilah yang menjadi pendorong utama hubungan antara kaum semakin renggang hingga menyukarkan perpaduan dibentuk walaupun selepas negara mencapai kemerdekaan. Kajian pengkaji ini sedikit sebanyak membantu proses kronologi pembentukan masyarakat majmuk dan faktor yang menjadi punca kerenggangan hubungan. Namun demikian, dasar ini tidak banyak disentuh cuma punca kepada hal perhubungan ini adalah dari pihak British.

Dalam menyentuh mengenai punca konflik kaum yang berlaku, permulaan kepada sengketa ini tidak dapat dipastikan secara jelas berikutan hubungan antara orang Melayu, Cina dan juga India tidak begitu baik walaupun mereka ini masing-masing menerusi pergerakan mereka bersatu untuk menuntut kemerdekaan. Walaupun selepas negara mencapai kemerdekaan, jika dilihat secara umumnya, hubungan sesama kaum ini masih lagi hambar. Kerancakan pilihan raya 1969 telah menjadi permulaan kepada masalah kaum yang berlarutan sejak dahulu lagi.

Goh Cheng Teik dan R.K Vasil adalah antara pengkaji yang mengkaji mengenai peristiwa 13 Mei tersebut. Kajian mereka turut menyebut mengenai permasalahan yang bermula ketika pilihan raya tahun tersebut yang kemudiannya berlarutan hingga berlakunya rusuhan tersebut. Goh Cheng Teik (1971)<sup>15</sup> dan R.K

---

<sup>15</sup> Goh Cheng Teik, 1971, *The May 13th Incident and Democracy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Vasil (1972)<sup>16</sup> turut menyatakan mengenai keadaan orang Cina dan Melayu dan hubungan yang berlangsung ketikan itu. Tulisan para pengkaji ini menarik dan memperjelaskan punca-punca yang membawa kepada tercetusnya peristiwa 13 Mei tersebut namun kajian yang ditulis tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Para pengkaji masih menjelaskan keadaan sama yang berlaku dan mengakui rusuhan yang berlaku adalah akibat kepincangan hubungan sesama kaum khususnya kaum Melayu dan Cina yang turut dicemari dengan sentimen perkauman.

Peristiwa ini turut ditulis oleh Tun Abdul Razak. Tun juga seperti para pengkaji lain turut menyatakan rentetan-rentetan yang membawa kepada meletusnya peristiwa tersebut. Seperti yang dinyatakan Tun Abdul Razak, “*The crowd shouted anti-Government slogans and hurled abuse at the police on duty, calling them “running dogs” and other derogatory terms, but the police keep their cool and refused to be drawn into any confrontation with the demonstrators. The procession continued to provoke the Malay by standers by shouting in Chinese “Death to the Malays”*”.<sup>17</sup> Secara jelas dapat dilihat orang Cina begitu tidak menyukai orang Melayu dan berusaha untuk menjatuhkan orang Melayu walhal orang Melayu adalah pemilik asal tanah ini. Penulisan oleh Tun Abdul Razak ini walaupun daripada kaca mata seorang pemimpin, namun tidak jauh berbeza dengan kajian para pengkaji lain mengenai peristiwa 13 Mei menjadikan kajian ini serupa dengan kajian yang ada.

Rentetan daripada peristiwa tersebut, sebagaimana yang ingin difokuskan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan menjadi medium untuk memulihkan kembali hubungan antara kaum yang terjejas ini. Ramai pengkaji yang menulis mengenai

---

<sup>16</sup> R. K. Vasil, 1972, *The Malaysian General Election of 1969*, Singapore: Oxford University Press.

<sup>17</sup> *Tun Razak: Tragedi 13 Mei dan Perpaduan Nasional*, No: 2012/0008740, Arkib Negara Malaysia, hlm. 284.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan namun tidak secara spesifik. Aziz Deraman (1989, 1988, 1977, 1983, 1971, 1978, 1983, 1990)<sup>18</sup> yang merupakan bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka adalah antara individu terawal yang menulis mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan juga hal ehwal berkaitan dengan kebudayaan kebangsaan. Penulisan beliau banyak memberikan gambaran secara mendalam mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sendiri.

Dalam buku Aziz Deraman bertajuk, *Di Sekitar Persoalan Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan* telah dinyatakan bahawa dasar ini mempunyai rasional dan pertimbangan yang tersendiri berdasarkan fakta sejarah, realiti masa kini, masyarakat majmuk Malaysia dan juga Islam yang merupakan agama rasmi dan sebagai suatu pegangan meliputi keseluruhan kehidupan rakyat rantau ini. Beliau mengatakan konsep ini merupakan kesinambungan sejarah yang merupakan suatu pertimbangan yang amat penting.<sup>19</sup> Walau bagaimanapun, kesemua yang dinyatakan tidak dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan walhal faktor-faktor tersebut penting dalam melaksanakan dasar tersebut.

Menurutnya dalam buku *Peranan Kebudayaan Di Dalam Pembentukan Masyarakat Malaysia*, kebudayaan adalah kunci terpenting dalam memastikan

---

<sup>18</sup> Aziz Deraman, 1983, *Di Sekitar Persoalan Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.; Aziz Deraman, 1990, *Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Kemeterian Kebudayaan, Belia dan Sukan.; Aziz Deraman, 1988, *Peranan Kebudayaan di dalam Pembentukan Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.; Aziz Deraman, 1977, *Dasar Kebudayaan Kebangsaan: Hubungannya dengan Perkembangan Kebudayaan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.; Aziz Deraman, 1978, *Beberapa Aspek Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.; Aziz Deraman, 1988, *Falsafan dan Pemikiran Dasar Kebudayaan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.; Aziz Deraman, 1988, *Pembangunan Kebudayaan: Kenapa Satu Kemestian*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

<sup>19</sup> Aziz Deraman, 1983, *Di Sekitar Persoalan Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

masyarakat di Malaysia dapat dibentuk seperti yang diimpikan. Beliau menyifatkan kebudayaan berperanan utama untuk membina imej negara dan bagi memastikan imej itu terbentuk, adalah perlu pemupukan kesedaran kebangsaan dilaksanakan bagi memastikan masyarakat majmuk ini dapat bersatu padu. Penulisan beliau ini lebih berkisarkan mengenai kebudayaan dan hubung kait kebudayaan tersebut dalam pembangunan negara. Namun demikian, cabaran yang terpaksa dihadapi dasar itu sendiri selepas pembentukannya tidak diceritakan mengakibatkan sukar untuk diketahui sama ada Dasar Kebudayaan Kebangsaan berjaya dilaksanakan sepenuhnya atau tidak. Pendek kata, Aziz Deraman mengaitkan perpaduan dengan pembentukan masyarakat majmuk yang menjadi tunjang kepada pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tulisan beliau bagi buku-buku lain turut menceritakan secara mendalam mengenai pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan faktor-faktor yang membawa kepada penggubalan dasar tersebut. Bagi buku bertajuk *Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, buku ini ditulis dengan pengamatan yang sedikit berbeza berbanding karya-karya beliau berkaitan kebudayaan kebangsaan. Penulisan Aziz Deraman dalam buku ini tebih cenderung melihat pembentukan kebudayaan kebangsaan itu daripada sudut sejarah dan peranan yang dimainkan oleh dasar itu sendiri sebagai medium untuk memulih kembali hubungan kaum.

Tulisan beliau ini menelusuri tahun-tahun sebelum terbentuknya dasar dan perkara yang akhirnya membawa kepada perlunya dasar tersebut diwujudkan. Namun, walaupun sudut pandang dalam penulisan Aziz Deraman ini berlainan sedikit daripada buku-buku lain tulisannya, tidak dapat dinafikan intipati dalam buku-buku

tulisannya kebanyakkannya hampir sama hingga ada kalanya berlaku pengulangan. Pelaksanaan dan cabaran dasar tersebut tidak dibincangkan secara khusus menjadi sukar untuk difahami dengan lebih mendalam mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Status dasar tersebut juga tidak disentuh secara mendalam menjadikan hakikat sebenar dasar tersebut tidak diketahui secara nyata. Fokus penulisan beliau ini adalah lebih cenderung untuk menceritakan mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu serta intipati-intipati yang dikendong dasar iu sendiri sekali gus menunjukkan masih ada perkara yang boleh diisi untuk memenuhi kelomongan tersebut.

Pandangan para pengkaji lain mengenai dasar ini turut disentuh seperti Wan Norhasniah Wan Husin (2012) dan Abdul Halim Ramli (2009) tetapi memberikan pandangan yang berbeza daripada Aziz Deraman dan bersifat lebih terbuka dalam penulisan. Wan Norhasniah Wan Husin dalam bukunya berjudul *Peradaban Dan Perkauman Di Malaysia* telah menjelaskan bahawa peradaban berkaitan secara langsung dengan ikatan perkauman. Peradaban adalah teras kepada pembinaan negara bangsa dan keadaan ini merujuk kepada masyarakat majmuk di Malaysia khasnya.

Hubungan yang disentuh adalah meliputi orang Melayu dan Cina memperlihatkan tulisan Wan Norhasniah sebagai satu kronologi dalam memahami bentuk perpaduan yang diinginkan. Namun, Dasar Kebudayaan Kebangsaan hanya disentuh secara sepintas lalu kerana dasar ini hanya medium kecil untuk menyatupadukan kaum. Fokus tulisan beliau juga lebih menjurus kepada peradaban itu sendiri yang dikatakan memainkan peranan yang besar dalam memulihkan hubungan kaum seterusnya membentuk perpaduan.

Abdul Halim Ramli di dalam tulisannya yang bertajuk *Hubungan Kaum Di Malaysia: Sejarah Dan Asas Perpaduan* turut menjelaskan bahawa hubungan ketiga-tiga kaum di Malaysia perlu diperkuuhkan kerana permuafakan ini akan menjadi asas dalam membentuk perpaduan. Dalam menzahirkan ikatan perpaduan ini, perkembangan permuafakatan ini perlu diberi perhatian oleh golongan pemimpin. Peristiwa 13 Mei yang berlaku menjadi kayu ukur betapa rapuhnya ikatan perpaduan. Penulisan beliau ini banyak berkisar mengenai hubungan sesama kaum yang runtuhan akibat sikap tamak dan prejedis yang ada dalam diri masing-masing. Namun, seperti pengkaji lain, Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu tidak disentuh sepenuhnya tetapi hanya dikaitkan terhadap hubungan kaum di Malaysia. Status yang dipegang oleh dasar tersebut masih sukar dijawab kerana tidak ada fakta yang menyatakan mengenai kedudukan dasar tersebut.

Hujah-hujah yang diberikan oleh penulis-penulis ini dilihat lebih kukuh dalam memahami hubungan awal yang membawa kepada lahirnya masyarakat majmuk dan konflik sebenar yang tercetus sesama kaum ini. Soal perpaduan yang begitu dititiberatkan menjadi perhatian dan dianggap faktor penting oleh ramai pengkaji dan ditunjukkan perpaduan yang diperlukan adalah menerusi persemuafakatan antara kaum-kaum di Malaysia. Perlu untuk difahami dengan lebih dekat permulaan kepada pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu hingga akhirnya setiap kaum diheret ke kancang konflik yang bukan sahaja meruntuhkan keadaan aman selama ini, bahkan turut mempengaruhi perjalanan negara selepasnya yang membawa kepada kemunculan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Dalam konteks ini, muncul kelompongan dalam tulisan-tulisan yang ada kerana Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini bukan lahir akibat peristiwa yang berlaku sebaliknya kebudayaan kebangsaan ini telah direncanakan sejak negara mencapai kemerdekaan lagi dan keadaan ini telah mewujudkan kekaburuan dalam memahami kedudukan sebenar dasar tersebut. Justeru itu, kajian mengenai perkembangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menyentuh mengenai status dasar ini sendiri dengan melihat kepada cabaran dan pelaksanaannya boleh dikatakan baru kerana belum ada kajian yang berkisar mengenai tajuk ini secara mendalam walaupun ada kajian-kajian daripada pengkaji lain yang menyentuh mengenainya secara sepintas lalu.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat memenuhi kelompongan tersebut bagi menjelaskan secara lebih objektif dan terperinci lagi kedudukan sebenar Dasar Kebudayaan Kebangsaan sama ada ianya adalah harapan pihak-pihak yang terkesan dengan konflik yang berlaku atau sememangnya dasar ini merupakan satu keperluan dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia. Dengan kata lain, kajian lalu ini dibuat untuk membuktikan bahawa tajuk yang ingin dikaji ini masih belum dilakukan oleh pengkaji lain.

### **1.3 Objektif Kajian**

Dalam usaha memperjelaskan kedudukan sebenar Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dijelmakan pada 1971 dan keperluan yang mempengaruhi kepada wujudnya dasar tersebut, maka kajian ini akan dilakukan berasaskan kepada beberapa objektif utama seperti berikut;

- i) Mengkaji perkembangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dari awal dalam kaitan dengan sejarah perjalanan negara yang membawa kepada kemunculan pelbagai kaum di Malaysia khususnya melibatkan orang Melayu dan Cina.
- ii) Menilai Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan
- iii) Menganalisis pelaksanaan dan cabaran keseluruhan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ke atas beberapa dasar terpilih yang dilaksanakan dalam tempoh kajian ini.

#### **1.4 Kaedah Penyelidikan dan Sumber**

Beberapa kaedah atau pendekatan akan digunakan dalam melakukan kajian ini. Tujuan kaedah atau pendekatan kajian ini dilaksanakan bagi memastikan penulis mendapat sumber yang sahih dan mencukupi untuk memastikan kajian ini tidak bersifat lewa dan seterusnya dapat memberikan informasi yang berfaedah kepada pembaca. Kajian ini secara dasarnya lebih bersifat kajian arkib dan perpustakaan yang bersifat analisis deskriptif dan penghuraian atau kajian bercorak kritikal, terutama sekali dalam pemeriksaan fakta-fakta yang ada hubungan dengan permasalahan pokok kajian, konsep kebudayaan kebangsaan, masyarakat majmuk dan impaknya kepada hubungan masyarakat dan negara.

Kajian perpustakaan dan arkib dilaksanakan untuk merumuskan kerangka teori dan ‘framework’ kepada intipati tersebut. Jadi rujukan ke Arkib Negara Malaysia dan perpustakaan yang ekstensif dijalankan bagi mendapatkan bahan mengenai tajuk dan diikuti dengan pendokumentasian bahan-bahan sekunder tersebut secara teliti dan teratur. Pendekatan kualitatif (pemerhatian) pula digunakan kerana fokus penyelidikan menitik beratkan pada kajian konseptual yang bersifat

penganalisisan pemikiran dan bagaimana fakta-fakta itu terbentuk. Berasaskan kaedah ini, dikategorikan dua bentuk sumber asas bahan analisis kajian iaitu bahan primer dan bahan sekunder.

Sumber primer boleh diperolehi melalui sumber-sumber fail rasmi kementerian di Arkib Negara Malaysia serta proses temubual secara formal dan tidak formal. Temubual formal bersifat temujanji khas yang telah ditetapkan antara pengkaji dengan sarjana terpilih. Manakala temubual tidak formal, berlaku semasa pengkaji hadir di dalam satu-satu seminar, wacana dan simposium ataupun sewaktu perjumpaan bersama penyelia akademik, di mana pengkaji bertanya tentang isu-isu yang dikaji. Turut dilakukan pemerhatian langsung kepada perkembangan pemikiran tentang isu-isu yang berkait dengan kebudayaan kebangsaan dan pengaruhnya serta cuba memadankan antara teori dan fakta yang diperolehi. Penyelidikan perpustakaan yang bersifat sekunder selanjutnya melengkapi data-data primer.

Sumber sekunder pula kebanyakannya daripada bahan jenis bercetak terdiri daripada buku, jurnal akhbar, majalah sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Sumber-sumber ini diperolehi di perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan perpustakaan awam Kuala Lumpur. Data ini memang banyak ditulis kerana isu yang diwacanakan bersifat pemikiran sosial serta berkait dengan peristiwa yang pernah melanda negara.

## **1.5 Skop dan Alasan Pemilihan Tajuk**

Dari segi skop kajian, tesis ini menumpukan perhatian terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sendiri. Dasar Kebudayaan Kebangsaan menjadi intipati

utama dalam kajian ini dan daripada situ, dipecahkan kepada topik-topik lain yang berkaitan sama ada secara langsung maupun tidak dengan dasar tersebut. Kajian ini melihat kebudayaan terlebih dahulu dan kepentingan kebudayaan kepada negara khasnya dan masyarakat amnya.

Perbincangan seterusnya menelusuri sejarah yang menjadikan masyarakat di Malaysia terbentuk sebagai satu masyarakat majmuk dan sejauh manakah hubungan yang terjalin antara kaum ini di bawah satu payung yang sama? Tempoh masa kajian bermula dari tahun 1971 hingga 1990 dipilih kerana merupakan permulaan kepada terbentuknya Dasar Kebudayaan Kebangsaan sekali gus dapat melihat perkembangannya sama ada selari atau tidak dengan pembangunan negara yang turut berlangsung ketika itu.

Kajian ini penting dan relevan dalam menganalisis perkembangan dan pengaruh serta impak Dasar Kebudayaan Kebangsaan khususnya melibatkan hubungan sesama anggota masyarakat. Pertama, biarpun telah ada usaha dilakukan dengan menyentuh dasar ini dan hubungan masyarakat tetapi dalam dekad-dekad mutakhir ini, masih tidak ada kajian secara mendalam mengenainya yang mengaitkan juga dengan aspek sejarah.

Kedua, perspektif yang diambil berbeza dengan kajian sebelum ini kerana tesis ini menekankan mengenai pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sendiri dan cabaran yang terpaksa dihadapi sama ada berjaya direalisasikan dalam perjalanan negara atau sekadar harapan sahaja. Penilaian 10 tahun pertama ini berdasarkan kepada era pemerintahan Tun Abdul Razak dan Tun Hussien manakala

tahun 1990 mengandungi 10 tahun dalam era pemerintahan Tun Mahathir. Jarak masa ini diharapkan dapat dijadikan asas dalam menganalisis konflik-konflik yang berlaku, pelaksanaan dan cabaran yang wujud seperti yang dibincangkan dalam bahagian penyataan masalah di atas.

Perbincangan ini berakhir pada tahun 1990 kerana tahun tersebut bermulanya era permodenan negara. Sepanjang tempoh 20 tahun kajian, banyak yang disentuh. Antaranya, untuk melihat adakah kebudayaan kebangsaan selari dengan pembangunan negara yang dilaksanakan ketika itu. Hal ini kerana, negara dalam tempoh masa ini mengalami proses pembangunan yang bukan sahaja bertujuan untuk membasmi kemiskinan malahan juga memajukan negara setanding negara luar yang lain.

Kemudiannya turut dilihat perkembangan dasar ini serta pengaruhnya sama ada hadir atau tidak dalam aktiviti yang dilaksanakan kerajaan dan ini merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh dasar ini. Tempoh ini dipilih untuk melihat keberkesanannya kerana jika cuma diambil 10 tahun pertama, dasar tersebut masih lagi bertarikh untuk berkembang. Oleh itu, tempoh 20 tahun diambil agar pengaruh dasar ini dapat dilihat tidak kira sedikit mahupun banyak bagi melihat perkembangan selepas pembentukannya yang membawa kepada erti perpaduan.

Kajian juga diharap dapat memberi rumusan tentang peranan, pengaruh serta identiti yang ditinggalkan oleh Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam pembangunan negara tidak kira menerusi masyarakat mahupun aktiviti yang dirangka. Ini untuk membolehkan persoalan utama terjawab sama ada status dasar ini adalah satu dasar

atau bukan berdasarkan pelaksanaannya. Diharapkan kajian ini dapat membantu memberi kefahaman kepada masyarakat khasnya dan aliran sarjana amnya bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah sebuah dasar yang mempunyai intipati besar sama seperti dasar-dasar besar negara yang lain walaupun statusnya sentiasa menjadi tanda tanya.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberikan kefahaman tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan pengaruhnya ke atas masyarakat dan pembangunan negara. Pada tahap permulaan, kebudayaan kebangsaan yang dilihat daripada sudut sosial tidak begitu penting untuk diangkat jika dibandingkan dengan ekonomi dan politik. Walau bagaimanapun, impak daripada peristiwa 13 Mei 1969 telah membuka mata banyak pihak terutama kerajaan bahawa adalah perlu untuk menjaga hubungan sesama kaum. Oleh sebab itulah, telah dirangka satu dasar bertujuan menjadi garis panduan dalam setiap yang dilaksanakan agar perpaduan dapat dibentuk.

Banyak pihak beranggapan kebudayaan kebangsaan sebagai satu hal yang remeh. Namun, hakikatnya kebudayaan kebangsaan merupakan medium bagi memahami budaya kaum yang tinggal di Malaysia seperti Melayu memahami budaya Cina, India dan Bumiputra dan begitu juga sebaliknya. Berdasarkan ini, boleh dikatakan kebudayaan kebangsaan mempunyai peranan yang besar dalam menjadi penghubung kepada setiap kaum seterusnya memulihkan ikatan perkauman yang musnah. Adalah penting menyoroti kembali perjalanan negara sebelum mencapai kemerdekaan sehingga merdeka dan selepasnya. Oleh yang demikian, adalah

diharapkan kajian ini dapat menyingkap dan membuktikan sejauh manakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan sememangnya sebuah dasar dan berkepentingan dalam memperbaiki hubungan kaum khasnya dan pembangunan negara amnya?

### **1.7 Fokus dan Susunan Bab**

Kajian ini membincangkan berkenaan latar belakang secara umum sahaja. Perbincangan ini turut menjelaskan tema dan persoalan-persoalan kajian. Walaupun begitu, topik perbincangan masih diperangkat umum dan hanya dinyatakan secara sekali imbas bagi memperlihatkan kajian yang ingin dikaji serta memberi pemahaman pada peringkat awal. Beberapa pandangan ahli akademik turut diambil yang meliputi intipati kajian ini. Dalam bab pengenalan ini juga, disertakan sekali perbincangan mengenai objektif kajian, kaedah penyelidikan dan sumber yang digunakan dalam kajian, skop dan alasan mengapa tajuk ini dipilih untuk dijadikan kajian dan yang terakhir sekali kepentingan kajian yang dilaksanakan. Semua ini adalah untuk memberikan gambaran awal tentang kajian yang dilakukan agar mudah difahami tujuan kajian ini dipilih.

Dalam bab kedua, perbincangan menjurus kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan melihat kepada sejarah lalu yang berkaitan dengan idea kemunculan dasar tersebut. Bagi skop ini, beberapa perkara akan ditelusuri yang membawa kepada terbentuknya Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Perbincangan ini meliputi kelahiran masyarakat di Malaysia, pelaksanaan dasar pecah dan perintah, pilihan raya 1969, peristiwa 13 Mei 1969, prinsip-prinsip, proses dan harapan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kesemua ini bagi memudahkan pemahaman mengenai

detik permulaan tercetusnya idea untuk membentuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang akan dikupas dalam bab ini.

Bab ketiga pula akan membincangkan mengenai kebudayaan kebangsaan dimulai dengan kongres kebudayaan kebangsaan iaitu sebuah kongres yang menjadi medan menyuarakan pendapat bagi mengekalkan perpaduan dengan mengkaji pembentangan yang dilakukan oleh para sarjana semasa kongres tersebut berlangsung. Tidak ketinggalan, dasar ini juga turut akan dibuktikan menerusi undang-undang bagi melihat sama ada pelaksanaan dasar ini mengikut undang-undang yang ditetapkan ataupun tidak.

Bab empat ini akan menyentuh mengenai pelaksanaan dan cabaran Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Perkembangan dasar ini akan disentuh dengan melihat pengaruhnya terhadap pembangunan negara dan hal ehwal yang dilaksanakan. Beberapa dasar negara dan juga kementerian akan disentuh dalam bab ini. Tidak ketinggalan, daripada semua perbincangan yang dilakukan, akan membantu memberikan jawapan mengenai status dasar ini dengan melihat keseluruhan keadaan meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial.

Bab terakhir ini akan menyimpulkan semua hasil perbincangan yang telah dinyatakan sebelum ini. Bab ini akan dinyatakan sama ada Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah merupakan sebuah dasar sebagaimana dasar-dasar negara yang lain mahupun sekadar kepada hasrat murni yang lahir akibat kesedaran bahawa perpaduan merupakan aspek terpenting dalam sebuah negara yang dihuni oleh penduduk berbilang bangsa.